



Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**GARIS PANDUAN PENCEGAHAN DAN
KAWALAN JANGKITAN COVID-19
BAGI KESELAMATAN WARGA
TAMAN ASUHAN KANAK-
KANAK (TASKA)**

**SUB MANUAL
TASKA ORANG KURANG UPAYA
(OKU)**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Terdapat enam (6) buah TASKA Orang Kurang Upaya (OKU) yang menerima geran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mengoperasi TASKA OKU mulai tahun 2013. TASKA tersebut telah berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 sebagai TASKA Institusi dan tertakluk kepada Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012. Oleh itu, TASKA OKU ini perlu mematuhi Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 Pasca Perintah Kawalan Perkhidmatan bagi Keselamatan Warga Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang telah dibangunkan oleh Bahagian Kanak-Kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- 1.2 Menurut WHO terdapat sebanyak 15% daripada populasi di Malaysia adalah terdiri daripada golongan OKU. Menurut data terkini pendaftaran OKU pada 31 Mac 2020 terdapat seramai 555,996 orang OKU telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan daripada jumlah tersebut seramai 50,445 orang adalah terdiri daripada kanak-kanak di bawah umur 6 tahun. Daripada jumlah tersebut seramai 117 orang kanak-kanak OKU tersebut sedang mengikuti program intervensi awal di enam (6) buah TASKA OKU yang menerima geran daripada JKM.

1.3 Kanak-kanak OKU merupakan golongan kanak-kanak yang berkemungkinan besar mempunyai halangan untuk akses kepada maklumat, penjagaan dan sokongan persekitaran. Jika tidak diberi pemahaman dan penjagaan rapi, mereka juga merupakan golongan kanak-kanak yang mudah terdedah kepada risiko jangkitan COVID-19.

1.4 Oleh itu, sub modul kepada Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 Pasca Perintah Kawalan Perkhidmatan bagi Keselamatan Warga Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) ini dibangunkan bagi memberi panduan khasnya kepada pengusaha-pengusaha TASKA OKU dalam memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak dan ibubapa di TASKA OKU berasaskan kebiasaan baharu.

2.0 OBJEKTIF

Sub modul ini adalah bertujuan untuk memberi panduan spesifik terhadap keselamatan dalam mengendalikan aktiviti pemulihan dan intervensi awal kanak-kanak OKU kepada pengusaha, penyelia dan pengasuh di TASKA OKU dan juga ibubapa kepada kanak-kanak OKU yang menghantar anak mereka ke TASKA tersebut.

Garis panduan ini terpakai kepada semua TASKA OKU samada di bawah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau persendirian / swasta yang berdaftar dengan ROS (registration of society), Pihak

Berkuasa Tempatan atau Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

3.0 LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL SEMASA PELAKSANAAN AKTIVITI INTERVENSI AWAL DAN PEMULIHAN (SECARA BERSEMUKA) DI TASKA OKU

3.1 Penerangan berkenaan kebiasaan baharu kanak-kanak OKU di TASKA OKU perlu diberikan termasuk kepentingan penjarakan sosial yang selamat, dalam mencegah penularan jangkitan COVID-19. Kaedah penerangan adalah merangkumi kaedah visual, bahasa isyarat, demonstrasi langkah demi langkah, cetakan dengan gambar, tulisan yang jelas dan besar, brail dan audio. Kaedah penerangan secara berulang-ulang akan membantu kanak-kanak OKU supaya lebih mudah memahami arahan dan tidak mudah merasa tersinggung memandangkan hanya akan mendapat sentuhan yang minima daripada pengasuh.

2.1 Pengusaha TASKA OKU diminta mengadakan hebahan berkala setiap hari di premis bagi mengingatkan OKU mengenai kepentingan mengamalkan prinsip 3W, iaitu mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai pelitup separuh muka di tempat awam atau jika bergejala (*wear*) dan amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan (*warn*) termasuk mengamalkan penjarakan sosial. Sebagai tambahan, OKU juga hendaklah

mengelakkan 3S atau 3C iaitu jauhi kawasan yang sesak (*crowded place*), elak kawasan yang sempit (*confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (*close conversation*) bagi mencegah jangkitan COVID-19.

3.2 Aktiviti pemulihan dan terapi hendaklah dijalankan dengan nisbah 1:1 antara jurupulih/juruterapi dengan kanak-kanak pada satu masa. Pada masa yang sama, jurupulih/juruterapi dan kanak-kanak dapat mematuhi penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter dan kaedah keselamatan yang lain seperti yang dinyatakan dalam garis panduan.

3.3 Memastikan pengasuh TASKA yang sama ditugaskan untuk mengawasi kumpulan OKU yang sama setiap hari.

3.4 Pembelajaran secara atas talian adalah digalakkan bagi mengurangkan pergerakan dan kehadiran kanak-kanak ke TASKA OKU.

4.0 PANDUAN KEPADA PENYELIA DAN PENGASUH DALAM MENGENDALI KANAK-KANAK OKU DAN IBUBAPA MELALUI PEMBELAJARAN DI RUMAH

4.1 Penyelia dan pengasuh perlu mengenalpasti lokasi tempat tinggal kanak-kanak OKU tersebut dan kemudahan yang

terdapat di kawasan tersebut. Ini bertujuan membantu rujukan kepada kemudahan pemulihan dan perkhidmatan kesihatan sekiranya diperlukan.

- 4.2 Mencadangkan kanak-kanak OKU dan ibubapa berkenaan berjumpa pegawai perubatan di Klinik Kesihatan terdekat agar pihak kesihatan dapat memberi maklumat dan sokongan yang diperlukan.
- 4.3 Menghubungi ibubapa kanak-kanak OKU dari semasa ke semasa melalui telefon, media sosial atau atas talian bagi memberi sokongan psikososial dan memastikan kesejahteraan kanak-kanak OKU terpelihara sepanjang mereka berada di rumah.

Disediakan oleh

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat